



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TALKING POINTS

**LAWATAN KE PROGRAM PEMBANGUNAN PENEMPATAN SEMULA
SUNGAI BEDAUN, SANTUBONG, SARAWAK**

**16 OKTOBER 2017, ISNIN
WAKTU KETIBAAN : 9.00 PAGI**

- i. KKLW menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak dalam usaha menyediakan kemudahan rumah yang selesa dan selamat kepada penduduk di negeri ini khususnya di kawasan luar bandar.
- ii. Usaha ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan seperti yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan kemudahan asas rumah kepada rakyat Malaysia.

PROGRAM PPRT

- iii. Pada tahun ini, KKLW telah diperuntukkan sebanyak RM 333.1 juta bagi tujuan Program Bantuan Rumah khususnya projek Bina Baharu dan Baik Pulih PPRT di seluruh negara.
- iv. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 94.4 juta (24%) diagihkan untuk Negeri Sarawak meliputi
 - RM 38.88 juta Bina Baharu sebanyak 550 unit
 - RM 55.52 juta Baik Pulih sebanyak 3800 unit
- v. Sehingga kini sebanyak 68% projek ppert di Negeri Sarawak telah siap sepenuhnya, dan baki dalam proses pelaksanaan yang dijangka selesai sebelum akhir tahun.

PROGRAM RBN

- vi. Selain itu, KKLW telah diperuntukkan sebanyak RM 200 juta bagi Program Bina Negara (RBN) dengan sasaran sebanyak 5000 unit rumah bagi tempoh sehingga tahun 2020.
- vii. Program ini terbahagi kepada dua kategori iaitu permohonan secara individu di bawah Risdan dan secara berkelompok di bawah Felcra Berhad, dengan sasaran belia berumur 45 tahun ke bawah, berkeluarga dan dengan pendapatan RM 4000 ke bawah di luar bandar.
- viii. Atas dasar keprihatinan, YAB Perdana Menteri pada 15 Ogos 2017 telah bersetuju agar harga jualan bagi RBN di Sabah dan Sarawak ditetapkan sama dengan di Semenanjung iaitu RM 45 ribu bagi rumah individu dan RM 75 ribu bagi berkelompok.
- ix. Persetujuan YAB PM ini melibatkan peningkatan subsidi Kerajaan sebanyak RM 40 ribu bagi rumah individu dan RM 72 ribu bagi berkelompok berbanding RM 20 ribu dan RM 40 ribu masing-masing di Semenanjung.
- x. Bagi berkelompok, subsidi Kerajaan hanyalah untuk penyediaan infrastruktur seperti jalan, bekalan elektrik dan air.
- xi. Spesifikasi RBN meliputi rumah setingkat dengan keluasan minimum 700 kaki persegi dengan kemudahan 3 bilik tidur.

SYOR / CADANGAN (TBC BY YBM)

- xii. Berdasarkan kepada perancangan Kerajaan dalam RMK-11, KKLW akan mendapat peruntukan yang berterusan bagi pelaksanaan kedua-dua program ini.
- xiii. Justeru, KKLW dengan berbesar hati mempelawa pihak Kerajaan Negeri untuk bersama menjayakan kedua-dua program Bantuan Rumah PPRT dan Rumah Bina Negara demi manfaat rakyat Negeri Sarawak khususnya.
- xiv. Bagi tujuan ini, KKLW menyerahkan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk menentukan agihan pelaksanaan program PPRT di negeri berdasarkan kuota yang telah ditetapkan bagi Negeri Sarawak.
- xv. Bagi program RBN, jumlah permohonan setakat ini masih terbuka dan diharapkan dengan sokongan serta inisiatif Kerajaan Negeri, lebih ramai belia khususnya di luar bandar dapat mengambil peluang yang disediakan.